

## **Pentaksiran Nafkah Anak Mengikut Uruf Tempatan Di Mahkamah Syariah Negeri Kedah**

Zaini Nasohah, Zuliza Mohd Kusrin, Mohd Nasran Muhammad, Abu Suffian Abu Yaziz

### **Abstrak**

Jumlah nafkah yang ditentukan oleh mahkamah lazimnya berbeza dengan jumlah sebenar yang dituntut oleh pihak plaintif. Mahkamah mempunyai pendekatan tertentu dalam menentukan kadar nafkah sama ada untuk anak ataupun isteri. Kehendak plaintif untuk memperolehi kadar nafkah sebagaimana yang dikehendaki bukanlah suatu yang menjadi asas penilaian mahkamah. Penilaian dan pertimbangan mahkamah adalah berasaskan hukum syarak. Namun demikian, hukum syarak juga tidak menetapkan secara ketat tentang aspek asas penetapan dan pengiraan nafkah. Oleh yang demikian, unsur uruf tempatan seperti lokasi tempat tinggal merupakan perkara yang perlu dijadikan asas pentaksiran sesuai dengan keperluan hidup sebenar. Artikel ini bertujuan menilai faktor uruf tempatan sebagai asas pentaksiran nafkah anak dan isteri di Mahkamah Syariah Negeri Kedah. Analisis kes dan temubual Hakim Mahkamah Syariah digunakan bagi menilai kaedah-kaedah yang digunakan oleh mahkamah dalam kes-kes yang telah diputuskan. Hasil analisis mendapati aspek yang menjadi kayu ukur utama ialah kemampuan bapa walaupun keperluan pihak yang menuntut turut dinilai. Dalam membuat pentaksiran, walaupun pertimbangan uruf tempatan kelihatan cuba diberi perhatian namun akhirnya tetap akan bergantung kepada kemampuan sebenar bapa. Mahkamah juga didapati masih belum mempunyai panduan khusus tentang cadangan kadar yang munasabah dan mencukupi mengikut lokasi tempat tinggal pihak yang menuntut nafkah. Sebaliknya mahkamah membuat keputusan menggunakan budibicara berdasarkan keterangan yang dibawa kepada mahkamah dan pengamatan hakim sendiri.

**Kata kunci :** pentaksiran, nafkah, kadar nafkah, uruf tempatan, Mahkamah Syariah

### **Pengenalan**

Suatu yang perlu diakui bahawa landasan berfikir antara Hakim Mahkamah Syariah tidak sama dengan pemikiran orang awam dari segi menentukan kadar. Hukum syarak dan peruntukan undang-undang semasa telah memberi panduan umum bagaimana bentuk dan kadar nafkah hendak ditentukan. Apa yang lebih utama ialah, nafkah yang ditentukan itu berdasarkan keperluan sebenar, mencukupi dan makruf. Kadar nafkah juga melihat kemampuan bapa kanak-kanak tersebut. Untuk mengimbangi dua kehendak berkenaan, pelbagai pendekatan digunakan oleh mahkamah. Antara aspek yang jarang dinyatakan secara jelas ialah uruf tempatan. Suatu cabaran yang biasa dihadapi oleh mahkamah antara lain ialah apabila ada pihak penuntut nafkah anak secara kolektif untuk semua anak dan ada pula yang menuntut secara berasingan mengikut kiraan setiap anak. Latar belakang tempat tinggal pihak yang menuntut juga berbeza-beza. Ada yang tinggal di bandar, pinggir bandar ataupun luar bandar. Menurut Haryati dan Nurasyikin (2011) kualiti dan kesejahteraan hidup di sesuatu kawasan adalah berbeza. Kemajuan sesuatu kawasan boleh mengubah keperluan kualiti hidup kawasan berkenaan. Perkara yang serupa

dibangkitkan oleh Wan Nor Azriyati (2011) semasa membincangkan keperluan perumahan di bandar dan luar bandar dan hubungannya dengan pembasmian kemiskinan bandar ke arah masyarakat yang sejahtera. Nafkah yang diperlukan oleh anak pada masa kini boleh merangkumi kos makanan, harga pakaian, kos pendidikan, tempat tinggal dan lain-lain lagi. Selain faktor lokasi, keperluan anak juga berbeza mengikut umur anak. Semua aspek di atas sewajarnya dipertimbangkan oleh mahkamah sebelum membuat sebarang keputusan berkaitan tuntutan nafkah anak.

## **Metodologi**

Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes dan temubual. Kes-kes tuntutan nafkah telah dipilih secara sampel bertujuan daripada fail-fail mentah dari tahun 2015-2016 dari tiga buah Mahkamah Syariah. Kes-kes yang dipilih adalah kes yang mempunyai catatan penghakiman yang lengkap dan mengandungi maklumat yang diperlukan. Bagi temubual pula, tiga orang Hakim Mahkamah Syariah di Kedah telah dipilih menjadi peserta kajian.

## **Dapatan dan perbincangan**

Nafkah tidak mempunyai kadar tertentu kecuali dinyatakan sebagai kadar yang mencukupi dan konsep cukup ditentukan kepada adat kebiasaan dan kemampuan (Mustafa al-Khin 1998). Para fuqaha bersependapat menyatakan bahawa sesungguhnya nafkah kerabat daripada anak dan anak kepada anak (cucu) ditetapkan dengan kadar yang mencukupi merangkumi roti atau bahan-bahan pelengkap bagi makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan penyusuan jika ia sedang menyusu. Kadar tersebut mengikut kemampuan orang yang menanggung nafkah dan kebiasaan di sesuatu tempat kerana ia diwajibkan berdasarkan kepada keperluan. Hal ini dinyatakan di dalam hadis Rasulullah SAW kepada Hindun yang bermaksud :

Daripada °Ai'shah r.a berkata : Bahawasanya Hindun telah berkata : Wahai Rasulullah! Sesungguhnya Abu Sufyān itu adalah seorang yang bakhil. Dia tidak memberi nafkah dengan secukupnya kepada saya dan juga anak saya kecuali apa yang saya ambil darinya tanpa pengetahuannya. Rasulullah SAW bersabda. Ambillah apa yang mencukupi untukmu dan anakmu dengan kadar yang sepatutnya (*ma<sup>c</sup>ruf*).

Hadis di atas memberi panduan bahawa isteri dibenarkan untuk mengambil harta kepunyaan suami sekadar yang mencukupi untuk menanggung nafkah diri dan anak yang bersesuaian atau kadar yang sepatutnya (*ma<sup>c</sup>ruf* ). Keadaan ini dibenarkan sekiranya suami enggan atau susah untuk menunaikan pemberian nafkah sedangkan berkemampuan dan mempunyai harta yang boleh menanggung keperluan isteri dan anak.

Sekiranya anak tersebut memerlukan kepada pengasuh, maka bapa hendaklah menyediakannya kerana ia adalah merupakan keperluan kepada anak itu (al-Zuhayliy 2004). Begitu juga menurut pandangan al-Kasaniy (al-Kasaniy 1982) yang menyatakan bahawa kadar nafkah bagi anak-anak adalah berdasarkan keperluan anak. Al-Kahlāwī (2005M/1424H) pula telah menghuraikan maksud 'keperluan' ialah keperluan yang diperlukan oleh seorang anak seperti makanan, minuman, tempat tinggal, susu, bayaran khidmat penjagaannya dan bayaran perubatan berdasarkan kepada keperluan anak tersebut.

Berdasarkan kepada takrifan yang diberikan, pendapat al-Kahlāwī ini amat bersesuaian kerana merangkumi keseluruhan keperluan anak-anak iaitu makanan, minuman, tempat tinggal, susu, bayaran perkhidmatan penjagaannya dan bayaran perubatan. Namun dalam keadaan masa sekarang pelajaran juga merupakan suatu keperluan yang perlu diberikan kepada anak-anak.

Pendapat ini juga turut dipersetujui oleh ulama fiqh yang lain yang menyatakan bahawa anak wajib diberikan nafkahnya dengan kadar yang mencukupi berdasarkan keperluan, adat kebiasaan tempat ia tinggal serta kemampuan orang yang menanggung nafkah (al-Nawawiy 1996; al-Bahutiy 1997; al-Zuhayliy 1997; al-Jaziriy 1990).

Tafsiran para fuqaha terhadap maksud mencukupi atau kifayah adalah berbeza-beza. Ada yang melihat kifayah itu sebagai suatu yang boleh dihitung, manakala sebahagian lagi berpandangan sebaliknya, asal sahaja cukup untuk isteri atau anak berkenaan. Demikian juga dengan konsep ma'ruf. Fuqaha Shafi'i berpandangan bahawa ma'ruf itu mempunyai kadarnya yang tertentu dan ia perlu ditentukan. Dalam hal ini fuqaha Shafi'i membahagikan kadar itu kepada kadar orang kaya, kadar orang yang sederhana dan kadar orang miskin. Namun fuqaha Maliki misalnya menentukan ma'ruf berdasarkan kifayah. Maksudnya, jika cukup maka tercapailah ma'ruf dan begitulah sebaliknya.

Peruntukan undang-undang keluarga negeri-negeri di Malaysia turut memperuntukkan panduan kepada Hakim Syarie dalam menentukan kadar nafkah kepada anak-anak. Pentaksiran kadar nafkah mestilah berasaskan kepada dua perkara utama iaitu kemampuan dan keperluan. Akta Undang-undang Keluarga dalam mentaksirkan kadar nafkah menyatakan :

Pada menentukan jumlah apa-apa nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan pentaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu, dengan mengira kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat (Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984, S. 61).

Manakala dalam mentaksirkan nafkah anak, seksyen 72 (1) akta yang sama lebih memperincikan mengenai keperluan nafkah anak, iaitu :

Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

Jika dilihat kepada peruntukan ini, tidak ada bezanya dengan apa yang telah ditetapkan oleh hukum syarak dalam memberi garis panduan umum bagaimana menentukan kadar nafkah isteri dan anak-anak. Secara ringkasnya, garis panduan menerusi peruntukan undang-undang tersebut merangkumi aspek keperluan isteri atau anak; dan kemampuan sebenar bapa atau suami.

Bagi nafkah anak, diperjelaskan lagi maksud keperluan iaitu merangkumi tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran. Walau bagaimanapun bentuk keperluan anak-anak pastinya ada unsur-unsur perubahannya mengikut peredaran zaman dengan pelbagai tafsiran yang dilihat amat bersesuaian dan munasabah. Istilah munasabah ini diguna pakai di dalam undang-undang sebagai suatu kelonggaran kepada mahkamah untuk melihat keperluan yang asasi dan bukannya kehendak atau keinginan terhadap suatu keperluan yang kurang mendesak. Kebijaksanaan hakim untuk menggunakan budibicaranya amat penting. Pada masa kini, kos perbelanjaan bagi setiap keperluan asas yang dinyatakan iaitu tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran mungkin akan turut meliputi beberapa kadar perbelanjaan sampingan. Ini bermakna faktor uruf tidak dapat diketepikan. Uruf antara seorang dengan seorang lain adalah berbeza. Demikian juga uruf antara satu tempat dengan tempat yang lain juga berbeza. Keperluan dan kos hidup di kampung sudah pasti ada perbezaan dengan keperluan dan kos hidup di bandar atau pinggir bandar.

Dalam mendapat jawapan bagi permasalahan ini, tiga partisipan telah ditandakan sebagai P1, P2 dan P3. Mereka terdiri daripada Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah dari tiga buah daerah iaitu Yan Pendang dan Alor Setar. Hasil temubual menunjukkan, dalam menentukan kadar nafkah anak, aspek uruf tidak diketepikan oleh para hakim. Namun jelas faktor kemampuan sebenar bapa tetap menjadi asas pertimbangan utama.

P1 : “jika dilihat kadar nafkah anak dan isteri ia berada di bawah kaedah mengikut adat kebiasaan la.. dan bergantung kepada keperluan isteri dan anak. Keperluan anak dan isteri **berbeza mengikut uruf**. Tambahan pulak, dalam pemberian nafkah anak, perkara yang perlu dipastikan adalah anak tersebut mesti fakir dan... tidak mampu mencari nafkah sendiri. ....bergantung kepada **kos sara hidup terkini meskipun berada di luar bandar.**”

P2 : “sekiranya ada kes yang macamni, kita akan merujuk kepada permohonan dari pemohon dan akan mengikut seksyen 23 Undang-Undang Keluarga Negeri Kedah. Selalunya kita akan lihat kepada kemampuan bapa atau suami itu sendiri sama ada dia mampu ataupun tak berdasarkan kepada kudrat yang ada. Lepastu barulah hakim akan buat keputusan dan akan tentukan berapa jumlah yang berhak dapat oleh pemohon. Semua tu.. akan dilihat juga pada **keadaan ekonomi setempat** ketika itu.”

P3 : “Mahkamah tak dapat mentaksirkan kadar secara lazim **mengikut uruf...** kerana kedapatan perintah penentuan kadar secara kolektif bagi anak-anak dan adakalanya secara berasingan...penentuan dibuat berasaskan kebolehpayaan bapa menunaikannya.”

Berdasarkan penjelasan di atas dapat dinyatakan di sini bahawa pihak hakim tidak akan melihat uruf semata-mata dalam menentukan kadar nafkah anak dan isteri malah partisipan turut menjelaskan bahawa siasatan juga perlu dilakukan terhadap pemohon agar keputusan dalam menentukan kadar nafkah tidak hanya melihat kepada uruf sebelah pihak semata-mata.

Ini jelas dan tepat dengan berpandukan kepada ayat Al-Quran dalam surah At-Talak ayat 7 yang bermaksud : “Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan

Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang sempit hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.”

Antara kes yang dapat dilihat dalam kes Siti Fatimah Binti Hamid lwn. Mohd Amin Bin Husin. [Kes Mal Bil : 02004-024-0236-2014]. Pihak plaintif telah membuat tuntutan kepada defenden terhadap nafkah anak-anaknya seramai empat orang, dua orang anak perempuan berumur 8 tahun dan 1 tahun serta dua orang anak lelaki yang berumur 6 tahun dan 1 bulan. Antara tuntutan nafkah yang dipohon oleh plaintif adalah berkenaan dengan nafkah bulanan anak, perbelanjaan untuk dua hari raya ( aidilfitri dan aidiladha ), perbelanjaan permulaan sekolah untuk dua orang anak serta rawatan perubatan anak 1 tahun. Dalam kes tersebut, pihak plaintif membuat permohonan dengan jumlah keseluruhannya sebanyak RM 3,380 kepada pihak defenden. Pihak plaintif tinggal bersama anak-anaknya di kawasan pinggir bandar yang beralamat di Batu 12, Pondok Bukit Besar, Kota Sarang Semut, Alor Setar, Kedah. Di dalam kes ini, Hakim telah memerintahkan kepada pihak defenden untuk membayar tuntutan nafkah bagi sebulan anak-anaknya iaitu sebanyak RM 1,480 bagi menyara kos sara hidup anak-anak tersebut setelah mempertimbangkan kemampuan defenden (bapa).

Begitu juga dengan kes yang melibatkan Nurwani Bt Siron lwn. Muhammad Najmi Bin Muhamad Tajudin [Kes Mal Bil : 02004-024-0259-2015]. Plaintif yang tinggal di Kampung Permatang Chengai, Yan telah membuat tuntutan nafkah anak-anaknya, seorang lelaki yang berumur 4 tahun dan seorang anak perempuan yang berumur 2 tahun sebanyak RM 1000. Namun, Hakim telah memfardhukan kepada pihak defenden untuk membayar nafkah bulanan kepada plaintif sebanyak RM 300 sebulan bagi perbelanjaan anak-anak tersebut. Meskipun tuntutan yang dibuat oleh pihak plaintif adalah sebanyak RM 1000, namun Hakim bicara telah melihat kepada kemampuan suami dan tanggungan semasa suami untuk membayar nafkah tersebut serta keperluan anak-anak tersebut.

Selain nafkah utama, terdapat juga tuntutan-tuntutan nafkah sampingan secara khusus seperti perbelanjaan untuk hari raya. Namun ada hakim yang memutuskan agar plaintif menggunakan wang perbelanjaan bulanan secara berhemah untuk anak-anak tersebut dan itu berdasarkan kepada pandangan fuqaha untuk berbelanja secara ma’ruf dan memadai dengan nafkah bulanan yang dituntut (Kes Mal: 02004-024-0131-2014) .

Demikian juga dalam kes Siti Rosmiza Bt Harun lwn. Zulfadzli B Mansor [Kes Mal Bil : 02004-024-0102-2016] juga berkaitan tuntutan nafkah yang dibuat untuk seorang anak perempuannya yang berusia 5 tahun. Pada 10 Mac 2016, plaintif yang tinggal di Kampung Bahagia telah membuat tuntutan nafkah kepada defenden sebanyak RM 300 sebulan bagi perbelanjaan bulanan. Namun, setelah melalui perbincangan di mahkamah, maka pada 15 Mei 2016, mahkamah telah mengeluarkan satu perintah kepada defenden untuk membayar nafkah anak kepada plaintif dengan jumlah yang diluluskan iaitu sebanyak RM 200 sahaja. Jumlah tersebut adalah jumlah yang diputuskan secara persetujuan bersama berdasarkan kemampuan sebenar defendan.

Begitu juga dalam kes Siti Balkis Bt Abdul Mutalib lwn. Marzeli Bin Omar [Kes Mal Bil : 02004-024-0053-2014], Hakim memutuskan separuh daripada jumlah yang dituntut oleh plaintif

secara kolektif (keseluruhan). Dalam kes ini plaintif yang tinggal di Kampung Bukit Besar telah membuat permohonan nafkah anak-anaknya seramai empat orang perempuan. Umur anak tersebut adalah dari 12 tahun, 10 tahun, 6 tahun dan 3 tahun. Antara bentuk nafkah yang dituntut oleh pihak plaintif adalah yang berkaitan dengan nafkah bulanan, nafkah awal persekolahan dan wang perbelanjaan bagi dua hari raya yang berjumlah RM 4,200. Plaintif yang hadir ke mahkamah beserta bukti-bukti seperti resit-resit perbelanjaan anak-anak tersebut yang munasabah berjaya meyakinkan Hakim untuk membuat tuntutan nafkah tersebut. Mahkamah telah bersetuju dengan hujah serta bukti yang munasabah yang dibawa oleh pihak plaintif dan memerintah pihak defenden untuk membayar nafkah tersebut kepada plaintif sejumlah RM 2,100. Antara sebab penghakiman dalam kes ini adalah kerana melihat kemampuan suami atau bapa tersebut untuk membayar nafkah. Kemampuan bapa tersebut telah menjadi garis ukur oleh mahkamah dalam mentaksirkan kadar nafkah anak tersebut selain dilihat kepada keperluan anak. Namun jumlah dibuat secara pukal tanpa dibahagikan mengikut kategori sama ada berdasarkan setiap anak mahupun berdasarkan bentuk nafkah yang dituntut.

Dalam kes *Jamaliah Bt Waris lwn. Mohd Rosli Bin Ibrahim* [Kes Mal Bil : 02004-024-0119-2015], pihak plaintif yang tinggal di Bedong telah membuat tuntutan nafkah anaknya-anaknya yang terdiri daripada dua perempuan yang masing-masing berumur 8 tahun dan 9 tahun serta seorang anak lelaki yang berumur 5 tahun dengan jumlah tuntutan sebanyak RM 4,354 termasuk nafkah bulanan, perbelanjaan awal persekolahan dan perbelanjaan untuk dua hari raya. Dalam kes tersebut, pihak plaintif berjaya berhujah dengan beberapa bukti yang munasabah serta membawa resit-resit yang diperolehi dari perbelanjaan keperluan anak-anak tersebut. Mahkamah berpuas hati dengan hujah tersebut, lalu mahkamah telah memutuskan pihak defenden untuk membayar nafkah tersebut dengan jumlah yang dikira munasabah dan mampu tanggung oleh defenden sebanyak RM 1,500 sebulan. Jelas di sini keperluan sebenar pemohon tidak dapat dipenuhi.

Pendekatan yang serupa boleh dilihat dalam kes-kes lain yang telah diputuskan seperti Kes Mal Bil : 02004-024-0131-2014, Kes Mal Bil : 02004-024-0308-2015, Kes Mal No : 02004-024-0306-2015, Kes Mal Bil : 02004-018-0223-2016, Kes Mal Bil : 02004-024-0136-2017 dan banyak lagi.

Merujuk kepada persoalan khusus apakah sebenarnya panduan Hakim dalam memutuskan kadar nafkah anak, tiada panduan khusus yang menjadi rujukan selain panduan utama iaitu garis panduan hukum syarak. Maksudnya, ruang budi bicara hakim sebenarnya amat luas kerana hokum syarak sendiri memberi panduan secara umum. Justeru ketelitian amat diperlukan.

P1 : “Hakim mempunyai kuasa dalam menentukan kadar tuntutan tersebut, tapi kami sebagai hakim di mahkamah syariah akan membuat keputusan dengan berdasarkan kepada syarak iaitu apa yang telah ditetapkan di dalam Al Quran dan juga Sunnah. Kita akan lihat kepada kemampuan suami dalam tuntutan tersebut dan keperluan pemohon. Banyak perkara yang kami titik berat termasuklah keupayaan pihak suami dalam mencari nafkah untuk dibayar kepada pemohon. Namun pada hakikatnya, kami akan tetap berbalik kepada Al Quran dan Sunnah.”

P2 : “Kami akan merujuk kepada hukum syarak. Itu sumber utama dan kemudian barulah kami akan menilai dan menitik beratkan ikut kemampuan suami dan keperluan isteri dan anak. Memang kami akan menimbangtara kedua-dua belah pihak terlebih dahulu sebelum membuat keputusan kerana terdapat banyak kes yang berlaku akan menyebelahi satu pihak sahaja. Contohnya kita lihat pada suami yang berpendapatan sebanyak RM1000, pemohon membuat tuntutan nafkah sebanyak RM500. Ini sudah pasti akan membebankan pihak suami kerana mereka juga memerlukan wang untuk menyara hidup. Contohnya seperti yang kerja nelayan, sudah semestinya pendapatan mereka tidak tetap dan tidak menentu. Tapi ada juga nelayan yang ada kebun, dusun sendiri dan depa pun ada pendapatan sampingan sendiri. Apa-apa pun kita akan lihat pada kedua dua belah pihak.”

P3 : “Kaedah sedia ada tak seragam. Keseragaman tak boleh jadi...prinsip kes berbeza setiap satunya, penentuan kadar secara umum bergantung kepada keperluan anak dan isteri dan keupayaan suami selaku pembayar.”

Para partisipan dilihat mempunyai pandangan yang hampir serupa. Keputusan yang dibuat adalah untuk tidak membebankan sebelah pihak sahaja. Namun dalam pendekatan untuk mengelakkan kemudaratan tersebut, pihak yang menuntut terdedah kepada risiko ketidakcukupan nafkah kerana dalam kebanyakan kes nafkah yang diluluskan adalah hanya sekitar lima puluh peratus daripada keperluan sebenar.

## **Kesimpulan**

Hasil analisis di atas, dapat dirumuskan bahawa berdasarkan pendekatan para Hakim dan di sebalik kes-kes yang telah diputuskan, agak sukar untuk menjadikan uruf tempatan sebagai kayu ukur yang rigid walaupun aspek itu tetap menjadi perhatian. Yang demikian kerana pertimbangan akhir tetap akan bergantung kepada kemampuan sebenar bapa. Mahkamah menggunakan pendekatan, nafkah yang bakal ditentukan adalah dalam jumlah yang mampu ditunaikan berbanding menentukan jumlah yang tinggi tetapi di luar kemampuan bapa. Maksudnya, kemudaratan kepada kedua-dua pihak telah cuba dielakkan oleh mahkamah. Demi keadilan kepada kedua-dua pihak, enakmen undang keluarga Islam masih memberi ruang kepada pihak-pihak untuk memohon mengubah perintah sedia ada sekiranya ada perubahan dari segi kemampuan bapa ataupun perubahan keperluan anak-anak berkenaan pada masa akan datang.

## **Penghargaan:**

Penghargaan kepada Projek Penyelidikan FRGS/1/2016/SSI03/UKM/02/4.

## **Rujukan**

Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976

Akta Undang-undang Keluarga Islam ( Wilayah-wilayah Persekutuan ) 1984

al-Bahūtiy, Maṣṣūr Ibn Yūnus. 1997M/1418H. *Kashshaf al-Iqnā' an Matn al-'Iqnā'*. Juz 5. Beirut : Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

al-Bukhāri, al-Imām Abī ʿAbdillāh Muḥammad ibn Ismāʿīl bin Ibrāhīm ibn al-Mughīrah bin Bardizbah. 1994M/1414H. *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri*. Juz 3 dan 7. Beirut : Dār al-Fikr.

al-Jaziriyy, ʿAbd al-Rahman. 1990. *Kitab al-Fiqh ʿAla al-Madhahib al-Arbaʿah*. Juz 4. Beirut : Dār al-Fikr.

al-Kaḥlāwī, Ablah Muḥammad. 1424H/2005M. *al-Bunūwwah wa al-'Ubūwwah fi ḍaw' al-Quran al-Karīm wa al-Sunnah*. Beirut : Dār al-Maʿrifah.

Haryati Shafii , Nurasyikin Miskam. 2011. *Pembentukan penunjuk dan indeks kualiti hidup bagi mengukur kesejahteraan hidup masyarakat di Pekan Parit Raja, Johor*. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar kali ke 3, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.

al-Kāsānīy, ʿAlā al-Dīn bin Abū Bakr bin Masʿūd. 1982. *Badā'ī' al-Ṣanā'ī' fī Tartīb al-Sharā'ī'*. Juz 4. Beirut : Dār al Kitāb al ʿArabīyy.

Kes Mal Bil : 02004-024-0236-2014.

Kes Mal Bil : 02004-024-0259-2015.

Kes Mal: 02004-024-0131-2014.

Kes Mal Bil : 02004-024-0102-2016.

Kes Mal Bil : 02004-024-0053-2014.

Kes Mal Bil : 02004-024-0119-2015

Kes Mal Bil : 02004-024-0131-2014

Kes Mal Bil : 02004-024-0308-2015

Kes Mal No : 02004-024-0306-2015

Kes Mal Bil : 02004-018-0223-2016

Kes Mal Bil : 02004-024-0136-2017

al-Khin, Muṣṭafā , al-Bughā, Muṣṭafa, al-Syarbajīyy, ʿAli. 1998M/1419H *al-Fiqh al-Manḥajī ʿalā Madhhab al-Imām al-Syāfiʿīyy : 'Aḥkām al-'Usrah wa Mulhaqātuhā al-'Aḥwālu al-Shakhsīyyah, al-Waqf wa al-Waṣīyat, wa al-Farā'id*. Juz. 2 , cetakan ke 3. Beirut : Dār al-Qalam, Damshik dan Dār al-Syāmiyyah, hlm. 162-163.



al-Nawawiy, al-Imām Abī Zakariyyā Maḥyu al-Dīn Yaḥyā bin Sharf. 1417H/1996M. *al-Majmūc Sharḥ al-Muhadhdhab*. Juz 19. Beirūt : Dār al-Fikr.

Nik Noriani Nik Badli Shah. 1994. *Undang-undang Keluarga : Nafkah dan Hak Kewangan Lain*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Nor Azriyati Wan Abd Aziz; Faizah Ahmad; Noor Rosly Hanif. 2011. Pembasmian Kemiskinan Bandar ke arah Bandar Inklusif dan Sejahtera: Cabaran Kuala Lumpur. *Journal of Surveying, Construction and Property*, V. 2, n. 1, June 2011.

al-Zuḥayliy, Wahbah. 2004M/1425H. *al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuh*. Juz 10. Damshik : Dār al-Fikr.